

# UMP cipta casis dinamometer basikal elektrik

Berita Harian (Inovasi) 26/6/18 (Sabtu) m/s: 23

➔ Inovasi mampu kurangkan kos kepada pengusaha industri automotif

Oleh Amin Ridzuan Ishak  
aminridzuan@nstp.com.my

► Pekan

**S**ekumpulan penyelidik Universiti Malaysia Pahang (UMP) berjaya membangunkan casis dinamometer untuk kegunaan kenderaan elektrik dua roda (ETW), yang mampu membantu mengurangkan kos kepada pengusaha industri automotif.

Ita dibangunkan pensyarah Fa-

kulti Kejuruteraan Mekanikal, Dr Daing Mohamad Nafiz Daing Idris, dibantu Dr Ahmad Fitri Yusop, Dr Mohamad Firdaus Basrawi, Dr Azri Hizami Rasid, Muhammad Hadi Hassan dan Samad Rahin.

Daing Mohamad Nafiz berkata, inovasi yang dihasilkan menerusi penyelidikan sepanjang tahun lalu itu, kini dalam proses penambahbaikan supaya lebih praktikal untuk dikomersialkan bagi kegunaan industri.

“Kita menghasilkannya selepas melihat potensi basikal dan mo-

tosikal yang menggunakan bateri sebagai medium pengangkutan jarak dekat di Malaysia,” katanya ketika ditemui NSTP di UMP Kampus Pekan di sini, baru-baru ini.

Menjelaskan penggunaannya, beliau berkata, basikal atau motosikal elektrik itu akan diletakkan di atas platform casis dinamometer dan ujian dilakukan dengan memusingkan penggerak sehingga maksimum.

“Tayar belakang kenderaan akan memusingkan roller pada casis dinamometer untuk mendapatkan data kelajuan, yang akan dianalisis menggunakan perisian dibangunkan.

“Menerusi analisis berkenaan, pemain atau syarikat industri dapat mengenal pasti prestasi kenderaan dihasilkan mereka dan melakukan penambahbaikan supaya sesuai digunakan oleh orang ramai,” katanya.

## Anggaran harga RM25,000

Beliau berkata, anggaran awal harga bagi casis dinamometer itu, termasuk perisiannya adalah RM25,000 dan ia adalah murah berbanding produk sama yang dibawa dari luar negara.

“Ia sudah tentu dapat mengurangkan kos operasi syarikat. Pada masa sama, inovasi ini juga me-

nyokong usaha kerajaan dalam inisiatif teknologi hijau menerusi pembangunan lebih banyak basikal serta motosikal elektrik,” katanya.

Beliau berkata, inovasi yang dibangunkan dengan geran penyelidikan UMP berjumlah RM31,050 itu turut mendapat pengiktirafan tertinggi dalam pameran inovasi, antaranya pingat emas pada Ekspo Penyelidikan, Penciptaan, Inovasi dan Teknologi (CITREX) 2018.

“Kami turut menerima anugerah khas bagi automotif pada CITREX 2018 dan pingat emas pada Pameran Antarabangsa Penciptaan, Inovasi dan Teknologi (ITEX) 2018,” katanya.



**Dr Daing Mohamad Nafiz bersama pelajar menunjukkan anugerah khas bagi automotif pada CITREX 2018 dan pingat emas pada Pameran Antarabangsa Penciptaan, Inovasi dan Teknologi (ITEX) 2018 di UMP Kampus Pekan.**